

Mutu khidmat tren meningkat

Seperi yang kita sedia maklum, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sudah meningkatkan mutu perkhidmatan KTM Komuter untuk keselesaan pengguna. Berikutan itu, pengguna tidak lagi perlu berebut dan bersesak menaiki tren walaupun pada waktu puncak pada jam 8 pagi dan 5 petang

Pembaharuan serta kemajuan dilakukan KTMB memberi kesan positif terutama kepada mereka yang menetap atau bekerja di bandar raya seperti Kuala Lumpur.

Pengguna berasa lebih selesa kerana ruang dalam tren baru komuter lebih bersih dan moden jika dibandingkan dengan tren lama.

KTM juga sudah menyusun semula jadual perjalanan dan pengguna tidak lagi perlu menunggu lama.

Penyediaan koc khas untuk wanita juga memberi ketenangan dan menghilangkan kerisauan kaum hawa terhadap keselamatan mereka. Syabas KTMB.

Siti Hana Salim

USIM